

14 NOV 2000
APEC-DIGITAL
APEC DAN PELUANG DIGITAL

Oleh: S. Durga Varma

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Nov (Bernama) -- Jika satu patah perkataan boleh digunakan untuk merumuskan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), ia tidak lain tidak bukan ialah "kepelbagaian".

Persidangan tahunan forum APEC menyaksikan pengumpulan bersama masyarakat yang berbeza dari 21 buah negara anggota.

Apa yang merapatkan mereka ialah hasrat bersama untuk menghapuskan semua penghalang menuju ke arah perdagangan bebas untuk negara-negara maju menjelang tahun 2010 dan negara-negara membangun menjelang tahun 2020.

Negara-negara Apec meliputi sebahagian besar dunia ini dan bersama-sama menyumbang 42 peratus kepada populasi dan setengah daripada pengeluaran ekonomi dunia.

Pemilihan Brunei untuk Sidang Kemuncak Apec tahun ini amat penting memandangkan inilah kali pertama sebegitu ramai ketua-ketua dunia menjejakan kaki ke negara yang kecil tetapi kaya dengan minyak ini.

Brunei merupakan negara anggota Apec yang terkecil, sementara China telah dipilih menjadi tuan rumah tahun depan. Perbezaan dari segi tanah dan populasi di antara kedua-dua negara ini membayangkan kepelbagaian negara-negara anggota Apec.

Sementara itu, daripada statistik yang digambarkan oleh Apec, salah satu yang paling menonjol ialah perbezaan akses Internet di kalangan negara-negara anggota.

Sebagai contoh, 53 peratus daripada penduduk Singapura sudahpun menembusi dalam talian internet, sementara negara jiran Indonesia pula ialah sekitar 0.7 peratus.

Perbezaan pengetahuan digital ini adalah salah satu daripada isu yang paling memberi tekanan kepada Apec yang mana ini boleh mendorong kepada bertambahnya jurang perbezaan sosial dan ekonomi di rantau ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menyatakan pentingnya bagi semua orang mendapat akses kepada peluang-peluang yang ditawarkan oleh teknologi maklumat dan komunikasi kerana peluang-peluang dan sumbangan ini dapat menyalurkan kepada peningkatan pembelajaran dan latihan.

Pada masa yang sama, Belanjawan 2001 Malaysia, yang dibentang oleh menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin pada 27 Okt, menekankan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (k-ekonomi) sementara pelbagai insentif telah dicadangkan bagi menggalakkan lagi rakyat Malaysia meminati bidang IT.

Apa itu perbezaan pengetahuan digital? Walaupun terdapat peningkatan Internet dan penggunaan komputer di rumah, dianggarkan hanya lima peratus penduduk dunia mendapat akses internet.

Bagaimana menangani masalah ini? Apec mencadangkan kewujudan Masyarakat Maklumat Asia Pasifik atau satu masyarakat yang dilingkari dan dihubungkan menerusi teknologi ke seluruh dunia.

Tujuan utamanya ialah menghubungkan rangkaian-rangkaian maklumat negara-negara anggota Apec.

Pada mesyuarat peringkat menteri Apec ke-12 yang berakhir di sini semalam, para menteri mengakui kepentingan setiap orang di rantau ini mendapat peluang menikmati peluang-peluang yang ditawarkan oleh rangkaian ICT.

Memandangkan ekonomi baru digerakkan oleh sektor perniagaan, adalah penting bagi Apec mengukuhkan hubungannya dengan masyarakat perniagaan.

Sehubungan dengan ini, para menteri menggesa kerjasama awam-swasta

untuk mewujudkan peluang-peluang digital dan memperluaskan faedah dan kebaikan ekonomi baru ke seluruh segmen masyarakat. -- BERNAMA

DVS FR AA OS